



PETIKAN AKHBAR

Kerajaan tidak terlibat dalam pelan menyelamatkan syarikat penerbangan – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 12 JUN 2020



KUALA LUMPUR, 12 Jun – Kerajaan tidak akan terlibat dalam pelan menyelamatkan syarikat penerbangan walaupun terjejas teruk oleh pandemik COVID-19 berikutan perniagaan mereka dijalankan secara komersial, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

“Kementerian Kewangan (MoF) tidak terlibat dalam mana-mana pelan menyelamatkan untuk membantu syarikat penerbangan tetapi kami akan membantu industri (penerbangan),” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke ibu pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di sini, hari ini.

Tengku Zafrul berkata Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Bhd tidak mendengar apa-apa berita mengenai suntikan modal sebanyak RM5 bilion kepada Malaysia Airlines Bhd (MAB).

Menurut laporan oleh Bloomberg, Khazanah sedang mempertimbangkan untuk menyuntik modal baharu bernilai sehingga RM5 bilion (US\$1.2 bilion) untuk membantu MAB mengurangkan impak daripada COVID-19.

“Ini kali pertama saya mendengar laporan itu (suntikan modal)...Saya tidak mengulas spekulasi dan secara jujur, saya tidak pernah mendengarnya daripada Lembaga Pengarah atau Pengarah Urusan Khazanah bahawa mereka akan menyuntik dana kepada Malaysia Airlines.

“Tetapi jika mereka berbuat demikian, ia terpulang kepada syarikat tersebut. Setahu saya, Kementerian Kewangan tidak memberi apa-apa peruntukan kepada Malaysia Airlines,” katanya.

Tengku Zafrul adalah salah seorang ahli Lembaga Pengarah dana kekayaan negara itu.

Industri penerbangan suram berikutan penutupan sempadan global untuk memerangi penularan COVID-19. Ini menjejaskan syarikat penerbangan dan mengurangkan operasi dilihat sebagai antara pilihan untuk kekal relevan dalam perniagaan.

Dilaporkan MAB telah meminta 13,000 pekerjaanya untuk mengambil cuti tanpa gaji secara sukarela berikutan COVID-19, manakala AirAsia Bhd telah menamatkan perkhidmatan 111 kru kabin, 172 juruterbang dan 50 jurutera.

[Bernama](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGKU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [PERMAI](#)
- [BERITA HARIAN](#)